

Headline	TNB semarak Ramadan		
MediaTitle	Utusan Malaysia (Johor)		
Date	17 May 2019	Language	Malay
Circulation	13,013	Readership	39,039
Section	News	Page No	47
ArticleSize	171 cm <sup>2</sup>	Journalist	N/A
PR Value	RM 4,410		



**SUHAIZAN KAIAT (tengah) bersama anak yatim dalam Program Ihya Ramadan dan Berbuka Puasa di Pontian, Johor, baru-baru ini.**

## TNB semarak Ramadan

**PONTIAN 16 Mei** - Tenaga Nasional Berhad (TNB) terus menganjurkan tanggungjawab sosial korporat (CSR) sempena Ramadan sebagaimana yang dilakukan pada tahun-tahun sebelumnya.

Ketua Penyelesaian Perniagaan Global TNB, Mohammad Ariff Zainol berkata, Program Ihya Ramadan dan Berbuka Puasa kali ini dianjurkan di peringkat negeri dan kebangsaan dengan konsep bersedekah serta mendekati masyarakat.

Katanya, program tersebut yang diadakan di seluruh negara diserikan dengan penyampaian sumbangan kepada golongan asnaf dan anak-anak yatim seperti barangan keperluan harian dan wang tunai kepada setiap penerima.

“Sebagaimana program CSR

lain seperti bantuan persekolahan pada setiap tahun, program ini juga diharap dapat meringankan sedikit beban kewangan penerima dalam membuat persiapan Hari Raya Aidilfitri nanti.

“Dalam masa sama dapat menjalinkan hubungan silaturahim antara TNB dengan penduduk setempat yang merupakan pelanggan setia TNB,” katanya selepas majlis penyampaian di Masjid Jamek Dato’ Haji Noh Gadot, Serkat di sini baru-baru ini.

Seramai 32 keluarga asnaf dan 15 pelajar anak-anak yatim menerima sumbangan itu yang disampaikan Speaker Dewan Undangan Negeri (DUN) Johor yang juga Penyelaras Dewan Undangan Negeri (DUN) Kukup, Suhaizan Kaiat.